

Headline	Bekalan elektrik dipulih segera kepada 1,000 pengguna		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	08 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	106 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 218
Frequency	Daily	PR Value	RM 655



## Bekalan elektrik dipulih segera kepada 1,000 pengguna

KOTA KINABALU: Tindakan segera telah pun diambil oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi memulihkan semula bekalan elektrik di beberapa kawasan sekitar Penampang dan Putatan.

Ini berikutan kejadian hujan dan angin kencang yang melanda kawasan berkenaan sejak awal pagi Isnin dan seterusnya mengakibatkan banyak pokok tumbang dan menimpa talian elektrik miliknya.

Pemeriksaan juga mendapati banyak tiang dan talian elektrik miliknya mengalami kerosakan dan perlu diperbaiki/ diganti dengan pemasangan yang baru.

Menurut Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SESB, Ir. Ahmad

Fuad Md Kasim, dianggarkan hampir 1,000 pengguna telah putus bekalan elektrik selama beberapa jam ekoran daripada kejadian ini.

Keutamaan pemulihan bekalan elektrik ini tertumpu kepada kawasan-kawasan yang mempunyai risiko keselamatan kepada pengguna elektrik yang lain.

Kefahaman pengguna mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan segala kesulitan yang dihadapi amat dikesali.

Para pengguna juga adalah digalakkan untuk segera menghubungi talian Hotline 15454 ataupun 088-515000 SESB sekiranya kawasan mereka terputus bekalan elektrik.